

21 OCT 2001

MAHATHIR-LAWAT

DR MAHATHIR LAWAT PROJEK MALAYSIA WALAU SIBUK DENGAN JADUAL APEC

Oleh: Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Walaupun sibuk dengan jadual Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik Kesembilan (APEC) di sini, Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad masih sempat melakukan lawatan ke dua projek Malaysia di bandaraya ini dan melancarkan sebuah restoran.

Sebaik sahaja selapas menghadiri istirahat para pemimpin APEC yang penting hari ini, yang menandakan selesainya mesyuarat dua hari itu, Perdana Menteri terus melawat Dino Beach Waterpark, sebuah taman tema air yang dimiliki oleh Golden Plus Holdings Bhd.

Taman itu yang membawa konsep pra-sejarah, terletak di atas tanah 25 ekar di Daerah Minhang District, di luar Shanghai yang diduduki oleh 1.2 juta penduduk, kira-kira 35 km daripada daerah perniagaan pusat bandaraya Pudong.

Shanghai sendiri mempunyai penduduk 16 juta orang, menjadikannya bandaraya kedua terbesar di China selepas Beijing.

Dibuka pada Jun 1997, taman tema itu dikendalikan oleh anak syarikat Golden Plus, Shanghai Roxy Leisure Co. Ltd.

Syarikat itu melabur RM120 jtua untuk membina taman itu.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir diberikan taklimat mengenai operasi taman itu oleh Pengarah Urusan Kumpulan Golden Plus, Teh Soon Seng.

Acara berikutnya di dalam jadual lawatan itu ialah melawat tapak pembangunan Royal Garden yang juga merupakan projek pembangunan kediaman campuran oleh Golden Plus, terletak bersebelahan Dino Beach Waterpark.

Dr Mahathir kelihatan begitu berminat terhadap proje itu dan sempat menasihati pelabur-pelabur Malaysia supaya berani dan menerokai seberang laut.

Royal Garden digolongkan oleh pemajunya sebagai sebuah "bandar kediaman mewah utama" pernah dibina di Shanghai.

Keseluruhan projek itu dijangka disiapkan sepenuhnya dalam tahun 2005 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM750 juta.

Ia hanya lima minit daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Shanghai di Hong Qiao, yang menjadikannay salah satu daripada alamat yang amat dikehendakli di bandaraya itu bila siap kelak.

Dr Mahathir kemudian dibawa untuk persidangan akhbar terakhirnya mengenai APEC di Pusat Media Antarabangsa sebelum menuju balik ke hotel beliau, Jin Mao Grand Hyatt.

Di hotel itu, beliau dengan rasminya melancarkan Kyros Kebab Restaurant yang merupakan usaha oleh sebuah lagi syariakt Malaysia, Gettmore Sdn Bhd.

Awal pagi esok beliau berlepas ke wilayah Qingdao, selepas perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dijadualkan pada pukul 8.30 pagi. -- BERNAMA

RBZ MR OS